

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA
(MERANGKAP PENERUS
MYANGKASA HOLDINGS SDN BHD)**

**MAJLIS MENANDATANGANI
PERSEFAHAMAN DI ANTARA
MYANGKASA HOLDINGS SDN BHD DAN
OPTIMAX EYE SPECIALIST CENTRE SDN BHD
(OPTIMAX HOLDINGS BERHAD)**

**09 MAC 2026 (ISNIN)
6.00 PETANG
HALL OF FAME BALLROOM
THE MINES RESORT & GOLF CLUB
JALAN KELIKIR, MINES WELLNESS CITY
SERI KEMBANGAN, SELANGOR**

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum
Wabarakatuh

Warahmatullahi

Salam Malaysia MADANI dan Salam Koperasi,

(SALUTASI OLEH PENGANJUR)

Yang Berbahagia Tan Sri / Datuk Seri / Datuk / Dato' / Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

1. Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat berhimpun pada hari ini dalam Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara MyANGKASA Holdings Sdn Bhd dan Optimax Eye Specialist Centre Sdn Bhd.
2. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Haji Abdul Rahman Mohamad, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi**, yang sudi meluangkan masa

untuk hadir seterusnya merasmikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman pada hari ini. Kehadiran Yang Berhormat amat besar maknanya kepada kami semua kerana ia mencerminkan sokongan berterusan pihak kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi terhadap usaha memperkasa gerakan koperasi serta memperluaskan inisiatif yang memberi manfaat langsung kepada anggota koperasi di seluruh negara

3. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang hadir pada hari ini, khususnya kepada pihak OPTIMAX atas kesediaan menjalinkan kerjasama strategik bersama gerakan koperasi melalui MyANGKASA Holdings. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian mencerminkan komitmen bersama dalam usaha memperluaskan akses kepada

perkhidmatan kesihatan yang berkualiti kepada masyarakat, khususnya warga koperasi.

Hadirin Hadirat yang saya hormati,

4. Kerjasama strategik yang dimeterai pada hari ini merupakan satu langkah penting dalam memperkenalkan Program Pemeriksaan dan Rawatan Kesihatan Mata kepada anggota koperasi di seluruh negara. Program ini akan memanfaatkan kemudahan kod potongan gaji melalui Sistem Potongan Gaji ANGKASA atau e-SPGA yang diuruskan oleh ANGKASA.
5. Melalui pendekatan ini, anggota koperasi berpeluang mendapatkan pemeriksaan mata, rawatan rabun serta rawatan katarak dengan kaedah pembayaran yang lebih mudah, tersusun dan mampu milik melalui potongan gaji secara bulanan.

6. Pendekatan ini amat signifikan kerana ia bukan sahaja memudahkan akses kepada rawatan kesihatan mata, malah membantu mengurangkan beban kewangan yang mungkin dihadapi oleh anggota sekiranya rawatan tersebut perlu dibayar secara sekaligus.

7. Seperti yang kita sedia maklum, gerakan koperasi di Malaysia mempunyai lebih daripada 7.2 juta anggota di seluruh negara. Justeru, inisiatif ini berpotensi memberi manfaat yang sangat besar kepada anggota koperasi yang memerlukan rawatan mata tetapi sebelum ini mungkin menghadapi kekangan dari segi kos atau akses kepada perkhidmatan pakar.

8. Program ini memberi ruang kepada anggota koperasi untuk mendapatkan rawatan dengan lebih terancang melalui pembayaran ansuran bulanan

menggunakan Skim Potongan Gaji ANGKASA (e-SPGA), yang telah sekian lama terbukti sebagai satu mekanisme kewangan yang sistematik dan diyakini.

Hadirin Hadirat yang saya hormati,

9. Saya juga ingin menekankan bahawa program ini menawarkan pelbagai kelebihan kepada anggota koperasi. Antaranya ialah akses kepada rawatan mata yang berkualiti tinggi melalui rangkaian pusat rawatan pakar, kemudahan pembayaran secara potongan gaji yang menjadikan rawatan lebih mampu milik, serta peluang untuk menjalani pemeriksaan awal secara sistematik bagi mengesan masalah rabun atau katarak sebelum ia menjadi lebih serius.
10. Kita harus melihat isu kesihatan mata ini dalam kerangka yang lebih luas. Penglihatan yang baik bukan

sekadar berkaitan dengan kesihatan fizikal semata-mata, tetapi turut memberi kesan langsung kepada produktiviti seseorang, keupayaan bekerja, serta kualiti kehidupan secara keseluruhan.

11. Dalam konteks ini, inisiatif yang dilaksanakan melalui kerjasama ini juga selari dengan peranan gerakan koperasi sebagai institusi yang bukan sahaja memberi manfaat dari sudut ekonomi kepada anggota, tetapi turut menyumbang kepada kesejahteraan sosial dan kesihatan masyarakat.

Hadirin Hadirat yang saya hormati,

12. Pemilihan OPTIMAX sebagai rakan strategik dalam program ini adalah berdasarkan reputasi dan kepakaran syarikat tersebut dalam bidang rawatan mata di Malaysia. OPTIMAX mempunyai pengalaman yang luas dalam menyediakan rawatan laser

penglihatan, rawatan katarak serta pelbagai teknologi rawatan mata yang moden dan selamat.

13. Dengan rangkaian pusat rawatan yang dimiliki oleh OPTIMAX di pelbagai lokasi, lebih ramai anggota koperasi berpeluang mendapatkan akses kepada rawatan mata yang profesional dan berkualiti tinggi tanpa perlu menghadapi kesukaran dari segi lokasi atau kemudahan.
14. Saya percaya bahawa kerjasama antara sektor koperasi dan penyedia perkhidmatan kesihatan seperti ini akan membuka lebih banyak peluang pada masa hadapan untuk memperluaskan lagi manfaat kepada anggota koperasi serta masyarakat secara keseluruhannya.

Hadirin Hadirat yang saya hormati,

15. ANGKASA sentiasa komited untuk memperkukuh ekosistem gerakan koperasi dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif yang memberi manfaat secara langsung kepada anggota. Kerjasama strategik seperti ini membuktikan bahawa koperasi mampu menjadi satu platform yang berkesan dalam menyediakan perkhidmatan berkualiti kepada masyarakat.
16. Pada masa yang sama, kita berharap agar inisiatif seperti ini akan terus diperluaskan pada masa hadapan dengan melibatkan lebih banyak sektor perkhidmatan yang dapat meningkatkan kesejahteraan anggota koperasi.
17. Akhir kata, saya berharap agar kerjasama strategik antara MyANGKASA Holdings dan OPTIMAX ini akan berjalan dengan lancar serta memberikan impak yang besar

kepada kesejahteraan anggota koperasi di Malaysia.

18. Semoga usaha yang kita laksanakan pada hari ini akan menjadi satu langkah bermakna ke arah membina masyarakat yang bukan sahaja kukuh dari segi ekonomi, tetapi juga sihat, produktif dan sejahtera.

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.